

02/09/1998

Jemaah dibenar tukar melebihi had

KUALA LUMPUR, Selasa - Jemaah haji tidak akan menghadapi masalah apabila kerajaan melaksanakan peraturan baru kawalan mata wang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kata Perdana Menteri, kerajaan sedia membenarkan jemaah menukar ringgit ke mata wang asing melebihi had maksimum RM10,000 jika mereka ada keperluan untuk berbelanja lebih.

"Jika mereka hendak tukar sekian banyak riyal dan kita tahu ia memang diperlukan, kita akan benarkan mereka tukar sama ada riyal, pound atau apa sahaja mata wang yang diperlukan," kata Dr Mahathir di Angkasapuri, petang ini.

Menurut beliau, rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura atau peniaga di sempadan Malaysia-Thailand juga akan diberi sedikit kelonggaran.

"Mereka boleh membawa balik wang mereka dalam masa sebulan. Tetapi selepas itu biasanya mereka yang berulang-alik sudah tentu membawa beberapa ringgit, itu tidak menjadi masalah. Kita tidak akan ganggu.

"Kita juga akan membenarkan tukaran asing sebanyak RM10,000 yang dianggap memadai untuk pelancongan, tetapi jika mereka ada keperluan lain kita akan timbang," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, mereka yang keluar masuk perlu mengisytiharkan jumlah wang yang dibawa sama ada ringgit, dolar Amerika atau Singapura.

"Kita sekarang memberi borang kepada mereka untuk diisi berapa banyak duit mereka bawa.

"Ini bukan perkara baru kerana kebanyakan negara seperti Australia melakukannya.

"Undang-undang itu masih ada di Malaysia, cuma sudah beberapa lama kita tidak menguatkuasakannya," katanya.

Menurut beliau, pelajar di luar negara boleh membuat permohonan menukar ringgit di Bank Negara dengan mengemukakan dokumen lengkap.

(END)